

30/05/1998

Isu Waad belum dibincang

KOTA BHARU, Jumaat - Kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemencheh yang juga Exco kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Waad Mansor, dalam parti akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, tidak lama lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini beliau belum mengadakan perbincangan dengan mana-mana pihak berhubung perkara itu dan memberi mandat kepada parti untuk membuat keputusan.

"Terpulang kepada Umno kerana setakat ini saya belum ada perbincangan apa-apa, mungkin dalam MT akan bincangkan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di kediaman Senator Datuk Ibrahim Ali, di Wakaf Bharu, dekat sini, hari ini selepas merasmikan Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek 98).

Perdana Menteri diminta mengulas penangkapan Waad oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang dituduh melakukan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam untuk faedah sendiri.

Waad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Penerangan dan sudah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban Rabu lalu atas lima tuduhan rasuah dan mengaku tidak bersalah.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, penangkapan Exco kerajaan Negeri Sembilan itu adalah di bawah bidang tugas BPR.

Menurutnya, kerajaan tidak akan menghalang BPR melaksanakan tanggungjawab mereka kerana langkah itu hanya akan menyekat pihak terbabit daripada menjalankan tugas.

Hakim Abdul Rahman Abdol menetapkan 22 Jun ini sebagai tarikh sebutan kes Waad di Mahkamah Tinggi Seremban dan membenarkan ikat jamin sebanyak RM260,000 dengan dua penjamin.

Mengenai tindakan Menteri Kewangan Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh yang meminta tidak dilantik semula menganggotai Kabinet baru negeri itu, Dr Mahathir berkata, beliau ada menerima permohonan rasmi mengenainya.

(END)